

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN TEH KOK LIM (TAIPING)

TARIKH : 09 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status kanak-kanak yang dilahirkan tanpa kewarganegaraan Malaysia, apakah rancangan pihak Kementerian untuk menyelesaikan masalah yang semakin mencabar ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa prihatin dengan isu dokumentasi dan pengenalan diri dalam kalangan penduduk negara ini dan antara usaha yang sedang diambil dalam menangani isu seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut:

1. Penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan penentuan kewarganegaraan; dan
2. Pertimbangan terhadap permohonan kewarganegaraan bagi individu berkecukupan.

Berhubung dengan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan penentuan kewarganegaraan, ditegaskan bahawa kewarganegaraan seseorang individu ditentukan berdasarkan kepada status perkahwinan

dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung sewaktu kelahiran. Oleh itu, kaedah perekodan taraf kewarganegaraan individu yang dilahirkan di Malaysia iaitu sama ada dengan taraf Warganegara atau Bukan Warganegara oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah selaras dengan peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahataran anak, peraturan imigresen dan lain-lain. Ibu bapa dan penjaga kepada individu yang bertaraf Bukan Warganegara bertanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan kewarganegaraan, dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal bagi mengelakkan ketiadaan dokumen pengenalan diri, keberadaan tidak sah di Malaysia dan seterusnya disalah anggap sebagai tidak memiliki kewarganegaraan dari mana-mana negara (*stateless*).

Berhubung dengan pertimbangan terhadap permohonan kewarganegaraan pula, terdapat dua kaedah pemerolehan kewarganegaraan bagi individu bertaraf Bukan Warganegara iaitu sama ada melalui pendaftaran atau penaturalisasian. Pada masa ini, KDN sedang giat menjalankan penambahbaikan komprehensif terhadap prosedur pengendalian standard (SOP) agar ia bersesuaian dengan hala tuju negara dan seimbang daripada aspek kemanusiaan tanpa mengabaikan keselamatan negara serta kesejahteraan warganegara sedia ada.

Bagi memastikan tiada isu berbangkit pada masa hadapan serta membentuk masyarakat yang bermoral dan patuh kepada perundangan yang berkuat kuasa, Ahli Yang Berhormat diseru untuk membantu memperkukuhkan usaha Kerajaan dalam menangani isu kewarganegaraan dengan menyebarkan pengetahuan berkaitan dengan kepentingan mendaftarkan perkahwinan serta mendaftarkan anak bertaraf Bukan Warganegara di kedutaan negara asal.